



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

# Keistimewaan Nabi, umat Muhammad

Ramai nabi diutuskan kepada manusia bermula daripada Nabi Adam AS sehinggalah Nabi Muhammad SAW.

Dalam kalangan mereka, sesetengahnya dilantik menjadi rasul dan 25 daripadanya disebut beberapa kali dalam al-Quran.

Lima daripadanya diberikan gelaran Ulul Azmi. Gelaran ini diberikan atas sifat ketabahan dan kesabaran yang luar biasa dalam menyebarkan Islam iaitu Nabi Nuh AS, Nabi Ibrahim AS, Nabi Musa AS, Nabi Isa AS dan Nabi Muhammad SAW.

Daripada sekalian ramai nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah, Nabi Muhammad SAW diberikan

kemuliaan untuk menjadi penghulu kepada setiap nabi dan rasul serta umat manusia. Hal ini sebagaimana yang dapat kita perhatikan dalam hadis berikut:

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: "Aku adalah penghulu anak-anak Adam (manusia) pada hari kiamat kelak dan orang yang pertama sekali dibuka kuburnya (bangkit dari kubur) dan akulah orang pertama yang memberi syafaat serta orang pertama mendapat syafaat (daripada Allah)." **(Riwayat Muslim)**

Sebenarnya, banyak bukti yang menggambarkan kemuliaan Baginda SAW dan antaranya firman

Allah dalam al-Quran bermaksud: "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam." **(Surah al-Anbiya, ayat 107)**

**Tafsir Pimpinan ar-Rahman** menerangkan: "Yakni Nabi Muhammad SAW diutus oleh Allah Taala kepada penduduk dunia seluruhnya sebagai rahmat dan nikmat yang besar.

"Sesiapa yang beriman dan menurut syariat Islam yang disampaikan, selamatlah dia di dunia dan akhirat dan sesiapa yang kufur ingkar, celakalah dia di dunia dan akhirat."

Bahkan, satu keistimewaan dan kemuliaan Baginda SAW ialah memberikan

syafaat pada hari pembalasan kelak. Betapa beruntungnya kita menjadi umat Nabi Muhammad SAW.

Firman-Nya bermaksud: "Pada hari itu, tidak berfaedah syafaat (daripada dan kepada sesiapa pun) melainkan daripada orang yang diizinkan oleh Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya dan kepada orang yang diredai perkataannya." **(Surah Taha, ayat 109)**

Walaupun umat Nabi Muhammad SAW adalah umat terakhir di dunia, tetapi kita adalah umat yang pertama dihisab dan diselesaikan masalah serta diberikan darjat yang tinggi di akhirat kelak. Di samping itu, dijanjikan kepada kita bahawa

separuh daripada syurga itu akan dipenuhi umat Nabi Muhammad SAW.

Dalam banyak mukjizat yang Allah berikan kepada nabi dan rasul, hanya al-Quran yang dapat merentasi zaman. Di dalamnya terdapat kisah terdahulu serta hal masa hadapan. Pelbagai perkara baru dan saintifik dapat kita runguikan melalui pemahaman terhadap isi al-Quran.

Jika Nabi Isa mampu menghidupkan orang mati, Nabi Muhammad SAW pula berjaya menghidupkan jiwa yang sudah mati buat sekian lama.

Rasulullah SAW juga mengajarkan umatnya bahawa alam semesta dan ciptaan di dalamnya (haiwan, tumbuhan, air, tanah dan selainnya)

bukan hak milik manusia secara mutlak. Kita diberikan keizinan untuk menggunakan segala sumber berkenaan, tetapi kita dilarang untuk memilikinya.

Oleh itu, manusia disuruh untuk menjaga, memelihara dan mentadbir alam ini dengan sebaik-baiknya. Kemusnahan dan kerosakan ke atas alam ini akan mengubah ekosistem yang sedia ada dan menyebabkan ketidakseimbangan.

Mari kita buktikan yang kita sayang kepada Baginda SAW dengan mencontohinya dalam semua aspek.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM**